

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 26.11.2014

SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) hasil laporan jawatankuasa siasatan ke atas kebocoran kertas peperiksaan SPM 2013; dan
- (b) status penyediaan kertas peperiksaan alternatif bagi peperiksaan UPSR, PT3, SPM dan STPM dalam mengelakkan penangguhan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada kebocoran kertas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2013.
- b) Kementerian Pendidikan Malaysia tidak menyediakan set soalan alternatif secara bercetak kerana melibatkan kos yang besar. Walau bagaimanapun, set soalan kedua telah disediakan mengikut prosedur penggubalan kertas soalan sedia ada dan boleh digunakan sekiranya berlaku sebarang insiden pada set